



INSTITUT ARKITEK LANDSKAP MALAYSIA (ILAM)

NOTA MAKLUMAN ILAM-COED #1-2020 PANDUAN PENGENDALIAN PROGRAM SENIBINA LANDSKAP SEMASA DAN PASCA PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP) COVID-19

TUJUAN

- 1.0 Nota makluman ILAM Council of Education (ILAM-CoED) #1-2020 dikeluarkan bertujuan untuk memberikan panduan dan nasihat kepada Penyedia Pendidikan Tinggi (PPT) yang mengendalikan Program Senibina Landskap (PSL) di Malaysia sewaktu tempoh semasa dan pasca Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) COVID-19.
- 2.0 Nota makluman ini juga bertujuan untuk menjaga dan memastikan kualiti aktiviti Pengajaran dan Pembelajaran (P&P) di jaga selaras dengan *Malaysia Landscape Architecture Programme Recognition Procedures and Standards* (July 2013 and April 2019) dan pada masa yang sama iannya perlulah difahamkan selari dengan konteks arahan dan panduan yang telah dikeluarkan oleh Pihak Keselamatan Negara (MKN), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Kementerian Pengajian Tinggi (KPT), Malaysia Qualification Agency (MQA) dan Institut Pengajian Tinggi (IPT) masing-masing.

LATAR BELAKANG DAN IMPAK

- 3.0 Perkembangan semasa akibat penularan COVID-19 telah menyebabkan Kerajaan Malaysia mengeluarkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang bertujuan memutuskan rantai virus Corona sehingga 14 April 2020 dan wujud kemungkinan penambahan hari perintah ini sekiranya wabak ini masih belum dapat dibendung.

- 4.0 Sehubungan dengan itu, semua PPT yang menjalankan program Senibina Landskap telah mengambil tindakan menghentikan sesi Pengajaran dan Pembelajaran (P&P) semasa menurut perintah PKP ini dan telah membenarkan pelajar meninggalkan kawasan PPT untuk pulang ke rumah masing-masing demi keselamatan
- 5.0 Perkembangan ini menyaksikan PPT mengambil beberapa tindakan yang proaktif berkaitan dengan P&P berkaitan dengan perjalanan Program Senibina Landskap (PSL). Secara umumnya, pihak ILAM telah dimaklumkan oleh setiap PPT-PSL bahawa mereka mempunyai kaedah dan pelaksanaan tersendiri yang tertakluk kepada arahan PPT masing-masing. Secara ringkasnya aktiviti P&P secara kuliah, makmal, dan studio telah dibatalkan dan pengendaliannya diganti dengan kaedah lain seperti pembelajaran secara maya atau atas talian serta media sosial tertakluk kepada pensyarah dan arahan PPT masing-masing.
- 6.0 Namun begitu, ILAM mengambil maklum cara pembelajaran secara maya atau di atas talian ini tertakluk kepada ketersediaan prasarana dan kemudahan ICT antara dua pihak iaitu pelajar dan pensyarah. Walaubagaimana, pengendalian P&P secara maya ini dilihat bersifat sementara, namun dikhuatiri menjadi lebih panjang jika tempoh P&P di panjangkan atau pihak PPT berhasrat menjadikan ia mod utama P&P atas desakan keperluan semester dipendekkan.
- 7.0 Oleh itu adalah menjadi satu kekhuatiran kepada ILAM jika aktiviti dan kualiti P&P menjadi merosot sekiranya tiada langkah-langkah atau tindakan pemulihan yang jelas diambil oleh PPT-PSL bagi memastikan tahap kualiti minimum untuk setiap kursus dalam PSL di capai. Kesemuanya ini tentunya akan menyumbang kepada tahap pencapaian *Program Learning Outcome* (PLO) atau *Course Learning Outcome* (CLO) Program Senibina Landskap.

PERLAKSANAAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN

- 8.0 Mesyuarat Majlis ILAM Bil. 14 yang bertarikh 27 Mac 2020 secara dasarnya bersetuju memberikan kebenaran, kelonggaran dan autonomi kepada PPT bagi melaksanakan aktiviti P&P-PSL keluar daripada amalan semasa (secara bersemuka) kepada kaedah

pembelajaran alternatif (seperti pembelajaran maya atau atas talian atau seumpamanya) atau kombinasi kedua-duanya bagi mencapai CLO setiap kursus yang diambil oleh pelajar namun perhatian perlu diberikan kepada kursus berikut :

Kursus Berstudio

- 9.0 ILAM menetapkan bahawa sesi P&P bagi kursus berstudio yang melibatkan kursus reka bentuk, pembinaan dan rekabentuk penanaman secara bersemuka antara pelajar dengan pensyarah boleh dilaksanakan secara maya samaada dalam bentuk segerak (*synchronous*) atau tak segerak (*asynchronous*) tertakluk kepada arahan, saranan dan panduan dari PPT masing-masing.
- 10.0 Walaubagaimanapun, pihak PPT-PSL perlu menyatakan secara jelas kepada pelajar dan direkodkan bagaimana proses P&P secara maya atau atas talian ini dilaksanakan dari awal hinggalah kepada penilaian kompetensi pelajar, termasuk perjalanan sesi *crit*, pembentangan projek dan penyerahan dokumen/lukisan projek dijalankan (sekiranya PKP ini berlarutan sehingga ke akhir semester pengajian). Apa jua tindakan oleh PPT-PSL hendaklah mengambil kira pelbagai kekangan-kekangan tertentu khususnya berkaitan PKP dan juga aspek kesaksamaan yang tidak merugikan pelajar.

Latihan Industri

- 11.0 Bagi pelaksanaan Latihan Industri (LI) kepada pelajar yang terkesan daripada PKP ini, PPT boleh mempertimbangkan pelajar yang telah menyelesaikan lebih 70% daripada tempoh LI untuk tidak melengkapkan baki latihan industri yang tertunggak. Namun PPT hendaklah merangka strategi yang bersesuaian ke atas baki yang tertunggak dalam bentuk lain seperti laporan latihan industri, pembentangan latihan industri dan seumpamanya yang dirasakan perlu oleh PPT-PSL bagi mencapai CLO kursus latihan industri.
- 12.0 Walaubagaimanapun, bagi pelajar yang belum memulakan atau baru sahaja memulakan LI dalam tempoh PKP, PPT-PSL boleh mempertimbangkan samaada LI untuk kohort ini ditangguhkan atau disambung pada semester-semester akan datang, tertakluk kepada kebenaran PPT masing-masing

PERLAKSANAAN PENILAIAN PELAJAR

13.0 Bagi pelaksanaan penilaian ke atas tahap kompetensi pelajar, PPT-PSL diberi autonomi dan fleksibiliti untuk mengendalikan apa-apa bentuk penilaian yang bersesuaian dengan prinsip untuk mengukur pencapaian pelajar berdasarkan hasil pembelajaran yang ditetapkan untuk setiap kursus. Begitu juga dengan gred pemarkahan pelajar, PPT boleh mempertimbangkan untuk menggunakan pendekatan Lulus/Gagal dalam menilai tahap pencapaian kompetensi pelajar khususnya dalam melihat aspek tekanan kepada pelajar mahupun pensyarah. Bagi pelaksanaan kursus yang mempunyai peperiksaan akhir, PPT-PSL boleh mempertimbangkan untuk menggunakan kaedah alternatif seperti ujian secara maya ataupun menggantikan dengan kerja kursus yang bersesuaian untuk menilai tahap kompetensi pelajar. Namun aspek *validity*, *reliability* dan *fairness* dalam pelaksanaan penilaian pelajar perlu diberi keutamaan oleh PPT.

KAWALAN KE ATAS KEMUNGKINAN SUSUTAN KUALITI P&P

14.0 ILAM percaya bahawa PPT-PSL akan melaksanakan sesi P&P yang terbaik dalam situasi ini. Namun apa jua bentuk yang diambil dalam konteks banyak kekangan yang ada (contoh: kekurangan fasiliti ICT, ketirisan masa P&P, kekurangan masa penyeliaan, perjumpaan berkumpulan dan sebagainya), ILAM menjangkakan tentunya akan wujud kesusutan kualiti P&P khususnya hasil kerja pelajar kursus berstudio. Oleh yang sedemikian, sekiranya susutan kualiti ini benar-benar berlaku pihak PPT-PSL hendaklah mengambil tindakan pemulihan supaya hasil kerja pelajar mencapai CLO kursus tersebut.

15.0 Pihak PPT-PSL dinasihatkan untuk membuat dokumentasi bagaimana P&P dilaksanakan dan penilaian dijalankan (contoh: *screen shot* kehadiran dan interaksi bersama pelajar secara maya, arahan tugas atas talian, rubrik penilaian dan lain-lain). Dokumentasi ini penting sebagai bukti bagaimana P&P dikendalikan bagi tujuan pengiktirafan dan audit di PPT-SL masing-masing.

16.0 ILAM-CoED akan mengambil kira perkara ini (Nota Makluman ILAM-CoED #1-2020) dalam penilaian pengiktirafan ILAM sebagai sesuatu yang tidak dapat dielakkan dan penambahbaikan yang sebenarnya hanya boleh dilaksanakan apabila PKP ini

berakhir. ILAM bersedia memberikan fleksibiliti yang bersesuaian kepada PPT-PSL yang memohon pengiktirafan ILAM dan penyelarasan bersama panel penilai ILAM nanti.

17.0 Dengan itu, PPT boleh mengambil mana-mana tindakan yang bersesuaian dan dinasihatkan untuk merekod dan mengemaskini sebarang tindakan dan langkah sementara yang telah dilaksanakan sepanjang tempoh PKP (atau lain-lain perintah seumpamanya selepas itu) dari semasa ke semasa sebagai pembuktian sewaktu penilaian pengiktirafan program dijalankan.

PENGUATKUASAAN PERLAKSANAAN

18.0 Nota makluman ini terpakai ke atas semua PPT-PSL yang telah diluluskan atau/dan diiktiraf oleh ILAM untuk semester yang terkesan daripada PKP dan berkuatkuasa serta merta hingga ke satu tempoh PKP atau seumpamanya reda dan berakhir.

19.0 Sebarang pertanyaan lanjut boleh dibuat melalui email ke:
ilamalaysia1981@gmail.com

INSTITUT ARKITEK LANDSKAP MALAYSIA (ILAM)

1 APRIL 2020